



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

KPDN TURUN PADANG HARI PERTAMA SHMMP DEEPAVALI 2023

KUALA LUMPUR, 9 NOVEMBER 2023 – Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah melakukan satu tinjauan sempena hari pertama pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023** yang diadakan di Pasar Raya Lulu Hypermarket, Kuala Lumpur.

2. Lawatan pada hari ini bertujuan untuk membuat tinjauan sempena pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2023** yang **berkuat kuasa mulai hari ini 9 November sehingga 15 November 2023**. Pada masa yang sama, lawatan ini juga bagi memastikan semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan di bawah **SHMMP Deepavali 2023**.

3. Seperti yang sedia maklum, **tempoh masa pelaksanaan SHMMP Deepavali 2023** adalah **selama 7 hari iaitu 3 hari sebelum perayaan, sehari semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan**. Pelaksanaan Skim ini adalah bertujuan **menstabilkan harga barangan semasa permintaan terhadap barangan dijangka akan meningkat** menjelang perayaan, semasa perayaan dan beberapa hari selepas perayaan.

4. Seperti yang diumumkan oleh **KPDN pada 6 November yang lalu**, selain daripada barang-barang di bawah harga kawalan maksimum sedia ada, Kementerian telah mengenal pasti sebanyak **8 jenis barangan** yang akan dikawal di bawah Skim ini. Barangan yang terlibat di bawah Skim adalah, **bawang merah besar import, bawang merah kecil (india) tidak termasuk ros, cili merah, daging kambing biri-biri bertulang import, kacang dal (australia), kelapa biji (*harga maksimum di peringkat borong sahaja), kelapa parut (*harga maksimum di peringkat runcit sahaja), dan tomato**.

5. Tempoh pelaksanaan **SHMMP Deepavali 2023** kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa bagi menjamin kestabilan harga kepada kedua-dua pihak sama ada di peringkat pengguna mahupun peniaga.

6. Senarai barangan, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti faktor permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan faktor-faktor luaran seperti ekonomi global.

7. Penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri.

8. **SHMMP Deepavali 2023** akan dikuatkuasakan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**. **Harga maksimum yang telah diwartakan bagi SHMMP Deepavali 2023 di peringkat pemborong dan peruncit** boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di www.kpdn.gov.my.

9. Seramai **2,200 orang anggota Penguat Kuasa KPDN bersama-sama 900 Pegawai Pemantau Harga KPDN** di seluruh negara telah ditugaskan di lokasi-lokasi strategik seperti di pusat membeli-belah barangan keperluan perayaan. Strategi ini membolehkan pemantauan dilaksanakan dengan lebih berkesan di mana tindakan segera dapat diambil terhadap aduan pengguna dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga sekiranya berlaku ketidakpatuhan.

10. **KPDN** juga ingin memberikan amaran kepada semua peniaga bahawa **tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini**. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- (i) **Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum:**
 - (a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga **RM100,000** atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga **RM50,000**; dan
 - (b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga **RM500,000** atau dikompaun sehingga **RM250,000**;
- (ii) **Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal:**
 - (a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga **RM10,000** atau dikompaun sehingga **RM5,000**; dan
 - (b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga **RM20,000** atau dikompaun sehingga **RM10,000**.

11. **KPDN** meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran berikut:

- I. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- II. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- III. Call Centre 1-800-886-800;
- IV. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- V. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- VI. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245, dan;
- VII. **Kod QR Aduan Bekalan:**



**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
KUALA LUMPUR, 9 NOVEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampar sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

